

JUMAAT, 7 SEPTEMBER 2001 (19 JAMADILAKHIR 1422)

Projek pelajar dua benua melalui IT

PARA pelajar dari enam sekolah berpeluang bertukar maklumat dengan rakan pelajar Asia dan Eropah menggunakan teknologi maklumat (IT).

Ia merupakan antara usaha menggalak kerjasama sambil meningkatkan interaksi para pelajar kedua-dua benua itu menerusi IT.

Enam sekolah itu ialah Sekolah Menengah Perempuan Raffles, St Joseph's Institution, Sekolah Menengah Pioneer, Sekolah Menengah Greenview, Maktab Rendah Temasek dan Maktab Rendah Kebangsaan.

Inisiatif itu dicapai dalam Persidangan Antarabangsa Bilik Darjah Asia-Eropah (AEC) bagi guru-guru yang diadakan selama empat hari mulai Ahad lalu.

Persidangan julung kali itu melibatkan 63 pendidik dari 20 negara, anjuran Kementerian Pendidikan (MOE) dan Yayasan Asia-Eropah (Asef).

Menurut seorang pengarah Asef, Encik Ulrich Nie-

mann, tujuh projek akan diadakan — antaranya projek budaya, tenaga nuklear dan pertanian.

Projek-projek itu berlangsung selama 10 bulan dan lima projek terbaik akan diberi anugerah Asef.

Selain Singapura, negara-negara seperti Vietnam, Malaysia, Belanda, Sweden, Korea, Finland, Ireland, Greece dan Denmark juga terlibat.

Seorang pendidik dari Ireland, Cik Deirdre Butler, berkata program itu memberi peluang kepada para pelajar mengenali budaya masing-masing.

“Misalnya, pelajar setempat yang terlibat dalam projek budaya boleh rakamkan sambutan Tahun Baru Cina dan hantar menerusi Internet kepada pelajar di Ireland.

“Selain rakaman video, mereka juga boleh rakam lagu yang digunakan, dan sebagainya. Kami harap dapat kumpul senarai sambutan kebudayaan sepanjang tahun,” ujar beliau.